

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KEKERAPAN DUA (2) KALI SEBULAN, KPDN KOMITED JALANKAN PROGRAM JUALAN RAHMAH BAGI TANGANI ISU KOS SARA HIDUP

SEBERANG JAYA, 22 JULAI 2023 – Telah berlangsung **Program Jelajah Jualan RAHMAH Peringkat Negeri Pulau Pinang** di Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang yang diadakan selama **dua (2) hari iaitu pada 22 hingga 23 Julai 2023**.

2. Seperti sedia maklum, **Program Jualan RAHMAH** ini dilaksanakan dengan **tiga (3) model** iaitu **model yang pertama** ialah dengan membuat jualan di dalam premis yang sesuai seperti pasar besar, pasar raya dan premis peruncitan lain yang bersesuaian. **Model yang kedua** adalah secara di kawasan terbuka di mana **KPDN** bekerjasama dengan pemimpin tempatan dengan membawa pemain-pemain industri peruncitan untuk membuat jualan secara terus di kawasan Parlimen dan DUN. Manakala **model yang ketiga** adalah diadakan secara bergerak oleh rakan strategik **KPDN** yang akan mengadakan jualan secara bergerak di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pasar raya atau premis peruncitan yang bersesuaian serta jauh untuk mendapatkan barangan keperluan harian.

3. Untuk makluman, **Program Jualan RAHMAH** yang mula diperkenalkan bermula Januari 2023, **sejumlah 68 lokasi membabitkan 13 kawasan Parlimen dan 40 DUN** telah terlibat dengan **Jualan RAHMAH di premis-premis peruncitan di negeri Pulau Pinang**. Penganjuran program ini dapat dilihat memberi kesan yang positif dalam usaha untuk meringankan kos sara hidup warga **Malaysia MADANI**. Ini dapat dilihat melalui **jumlah keseluruhan pengunjung yang melebihi 90 ribu orang** dan **rekod jualan di negeri Pulau Pinang berjumlah melebihi RM2 juta**. Seterusnya, **Program Jualan RAHMAH** akan diteruskan di semua kawasan **Parlimen di negeri Pulau Pinang** dengan

kekerapan 2 kali sebulan sehingga bulan Disember 2023.

4. Objektif utama **Program Jualan RAHMAH** ini diadakan adalah bagi memastikan **program ini sampai secara terus kepada golongan sasaran** dengan menawarkan barangan keperluan harian dan pada masa yang sama program ini juga bertujuan untuk **menyediakan barangan keperluan harian kepada masyarakat setempat pada harga yang mampu milik** serta dapat membantu menghidupkan kembali ekonomi seluruh anggota masyarakat setempat setelah berdepan pandemik sejak dua tahun lepas.

5. Inisiatif ini juga memberi peluang kepada pengunjung **mendapatkan barangan keperluan asas harian sehingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat.** Ianya sekali gus dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat **Malaysia MADANI** dan seterusnya, program ini dapat memberi manfaat kepada golongan yang kurang berkemampuan di negeri ini yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

6. **KPDN** mengajak dan menggalakkan lebih ramai lagi pemain industri khususnya hypermarket dan pasar raya supaya dapat bersama-sama menjayakan aspirasi ini dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

7. **KPDN negeri Pulau Pinang** merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang mampan sepanjang menjayakan **Program Jelajah Jualan RAHMAH** ini bagi membantu golongan yang memerlukan dalam meringankan beban kos sara hidup mereka di negeri Pulau Pinang di samping meningkatkan pendapatan para peniaga di sini.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
SEBERANG JAYA, PULAU PINANG, 22 JULAI 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

